

# Sumbangan kakitangan UMSKAL diiktiraf dan dihargai

UB 07.03.2024 P.06

**LABUAN:** Hampir 100 kakitangan menjayakan Majlis Apresiasi Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2024 di Grand Ballroom, Palm Beach Resort & Spa pada 2 Mac lalu.

Majlis yang diadakan sempena Ulang Tahun Jubli Perak ke-25 itu diisarkan oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abd Hamid.

Dalam usia ini, katanya, UMSKAL telah melalui pelbagai cabaran dan kejayaan serta suka duka sepanjang penubuhan kampus ini.

Jelas beliau, sebagai sebuah pasukan, kita perlu berusaha dan bekerjasama dengan sedaya upaya untuk memastikan UMSKAL terus cemerlang dalam pelbagai bidang sekaligus turut mengharumkan nama UMS sama ada di dalam negara maupun di peringkat antarabangsa.

Pada masa sama, tambah beliau, budaya integriti perlu disemai dan ditanam dalam diri kita sebagai penjawat awam dengan menghindari sebarang isu salah guna kuasa, rasuah, tidak amanah, tidak bertanggungjawab, berpecah belah, bersifat perkauman atau kenegeiran dan sikap negatif yang lain.

Pada tahun 2023, UMSKAL telah menempah pelbagai kejayaan antaranya Anugerah Inovasi Kategori Pengurusan Organisasi Terbaik, Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (tempat ketiga), Pencapaian Cemerlang dalam Audit EKSA 2023 dan Penarafan Lima Bintang dalam Pemeriksaan Mengikut Pengurusan Kewangan PTJ UMS.

Pada majlis itu, Anugerah Ikon Kepimpinan dan Kualiti 2023 kategori Kumpulan Ahli Akademik disandang oleh Prof. Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Mas Adi Alimin (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta Mohd Abdullah Manggul dan Faridah Adam (Kumpulan Pelaksana).

Manakala Anugerah Ikon Aspirasi kategori Kumpulan Ahli Akademik dimenangi oleh Prof. Madya Dr Hanudin Amin, Ismet Zulfiqar Ahmad Shaffe (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta Khatijah Ayub, Asmah Abdullah dan Azmy Idris (Kumpulan Pelaksana).

Sementara itu, seramai 11 kakitangan menerima Anugerah Penghargaan Sanjungan Bakti Setia iaitu kakitangan yang telah mencapai tempoh



**DIKTIRAF:** Dr. Mohamad Rizal (tiga kanan) dan Zamri (dua kiri) bersama penerima Anugerah Ikon Kepimpinan dan Kualiti 2023.



**DIHARGAI:** Dr. Mohamad Rizal (empat kanan) dan Zamri (dua kiri) bersama penerima Anugerah Ikon Aspirasi.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**TERBAIK:** Norhanizah Adnan yang mewakili Sektor Pengurusan Kolej Kediaman menerima Anugerah Pejabat Terbaik daripada Dr. Mohamad Rizal diperhatikan Zamri.

perkhidmatan selama 25 tahun bersama UMSKAL pada tahun ini yakni bermula dari pembukaan dan pengambilan kumpulan pertama pelajar di UMSKAL pada tahun 1999.

Mereka ialah Abdillah Hamid, Asli Ukal, Che Din Md Salleh, Johari Safar, Ismet Zulfiqar Ahmad Shaffe, Salawati @ Syahmira Abd Hamid, Saradli Arsat, Malai Zaidee Bakar, Rahman @ Abd Rahman Ibrahim, Suriah Kahar dan Sulaiman Abdullah.

Anugerah Pejabat Terbaik pulna dimenangi Sektor Pengurusan Kolej Kediaman diikuti Sektor Kewangan dan Sektor Perpustakaan.

Semoga dengan penghargaan ini akan dapat membangkitkan semangat kakitangan agar terus konsisten serta meningkatkan mutu kerja pada masa akan datang.

Beliau mengucapkan terima kasih atas komitmen yang diberikan oleh seluruh ahli

jawatankuasa yang berusaha gigih dalam menjayakan penganjuran majlis pada malam ini.

Turut hadir Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof. Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Ketua Pentadbiran UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah dan Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia UMSKAL, Mas Adi Alimin selaku Penyelaras Majlis.